



UNIT MEDIA RELA
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 7,8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA
TEL : 03-88703673 FAKS : 03-88905532

KENYATAAN MEDIA MENGENAI PENAMATAN PANGKAT AHLI KEHORMAT RELA

Tarikh : 28 JUN 2018

1. Merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Dalam Negeri bertarikh 21 Jun 2018 mengenai video yang tular di media sosial berkenaan individu terlibat dalam insiden pertenggaran di jalan raya dan mengaku pegawai Kementerian Dalam Negeri.
2. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ingin memaklumkan bahawa YB Tan Sri Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan perlantikan individu tersebut sebagai ahli Kehormat RELA ditamatkan berkuatkuasa serta-merta.
3. Keputusan itu dibuat oleh YB Menteri Dalam Negeri setelah mengambil kira pandangan dan syor Jawatankuasa Pentauliahan Pangkat Kehormat dan Bersekutu RELA yang bermesyuarat pada 25 Jun 2018.
4. Pelantikan Ahli Kehormat dan Bersekutu adalah pengiktifaran tertinggi Jabatan kepada seseorang individu.
5. RELA menasihatkan kepada semua ahli Kehormat dan Bersekutu RELA untuk pada setiap masa, mematuhi peraturan dan etika yang telah ditetapkan serta tidak menyalahgunakan pelantikan tersebut untuk kepentingan diri sendiri.

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)